



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (2) November 2024 (001-015)

Konsep Bersederhana dalam Peribahasa Melayu Berdasarkan Komponen Hati Budi Melayu dan Semantik Inkuisitif

¹Alhaadi bin Ismail, ^{*2}Rozita binti Che Rodi, ³Vijayaletchumy a/p Subramaniam &
⁴Zuraini binti Jusoh

¹alhaadi.ismail@gmail.com, ^{*2}ita_cherodi@upm.edu.my, ³vletchumy@upm.edu.my &
⁴zurainijusoh@upm.edu.my

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

¹Penulis Utama, ^{*2}Penulis Koresponden

Tarikh terima : 10 September 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 17 November 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2024
Published online

Abstrak

Satu daripada keperibadian sosial yang perlu dimiliki oleh masyarakat Melayu ialah sikap bersederhana. Hashim Hj. Musa (2008) telah menggariskan 26 komponen hati budi Melayu (HBM) yang menjadi unsur keperibadian sosial milik sepunya masyarakat Melayu. Perkara ini juga selari dengan tuntutan agama yang menyeru umatnya agar bersederhana dalam segenap aspek kehidupan. Dalam al-Quran dan hadis banyak menyebut perihal bersederhana ini. Namun, masyarakat kini didapati tidak mengamalkan tuntutan tersebut. Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu terdahulu menjadikan peribahasa Melayu sebagai satu daripada medium untuk menyampaikan nasihat dan teguran berkaitan sikap bersederhana. Oleh itu, objektif utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk menginterpretasi konsep bersederhana dalam peribahasa Melayu daripada perspektif semantik inkuisitif. Dengan bersandarkan pendekatan semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1984), empat peribahasa Melayu yang diperoleh daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (2017) akan diinterpretasikan. Hasil daripada penelitian tersebut, sikap bersederhana jelas terpamer dalam peribahasa Melayu yang telah diinterpretasi. Nasihat dan teguran berkaitan sikap bersederhana dituntut dalam aspek berkasih sayang, berbelanja, berbicara dan tindakan. Daripada interpretasi yang dilaksanakan, nasihat dan teguran yang berkait dengan komponen bersederhana disampaikan secara berhemah melalui kiasan yang indah. Teguran dan nasihat secara berhemah mampu memberikan kesan positif dan sekali gus menjaga air muka seseorang. Sehubungan dengan itu, perkara ini secara tidak langsung menggambarkan keluhuran hati budi masyarakat Melayu terdahulu dalam menyampaikan teguran dan nasihat.

Kata kunci: Hati Budi Melayu, Semantik Inkuisitif, Bersederhana, Peribahasa Melayu.

The Concept of Moderation in Malay Proverbs Based on The Malay Psyche and Inquisitive Semantics

Abstract

One of the social characteristics that the Malay society should embody is a disposition of moderation. Hashim Hj. Musa (2008) identified 26 elements of Malay Psyche, which constitute the shared social personality traits of the Malay community. This aligns with religious teachings that urge followers to practice moderation in all aspects of life. Both the Quran and Hadith frequently emphasize the importance of moderation. However, it has been observed that today's society does not practice these principles. Accordingly, the early Malay community used Malay proverbs as a medium to impart advice and gentle reprimands related to the attitude of moderation. Therefore, the main objective of this study is to interpret the concept of moderation in Malay proverbs from the perspective of inquisitive semantics. Drawing on the inquisitive semantics approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) and the Cross-Reference Framework (CRF) by Kempson (1984), four Malay proverbs sourced from the Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Special Dictionary of Malay Proverbs), Second Edition (2017), are interpreted. The results of this analysis clearly showed that the attitude of moderation is reflected in the interpreted Malay proverbs. Advice and reprimands related to moderation are evident in aspects such as love, spending, speaking, and actions. From these interpretations, the advice and reprimands connected to the component of moderation are conveyed with subtlety and elegance. Reprimands and advice delivered with tact can have a positive impact, while simultaneously preserving someone's dignity. Consequently, this approach indirectly reflects the noble character of the early Malay society in delivering guidance and counsel.

Keywords: Malay Psyche, Inquisitive Semantics, Moderation, Malay Proverbs.

1. Pengenalan

Hamka (1992) mentafsirkan bersederhana sebagai sesuatu yang tidak melebihi-lebih kepada mana-mana arah, sama ada terlalu ke kiri mahupun terlalu ke kanan. Di Malaysia, perdana menteri keenam telah memperkenalkan Dasar Wasatiyyah pada tahun 2016. Dalam dasar tersebut, konsep kesederhanaan diketengahkan. Dasar tersebut diperkenalkan bertujuan untuk membendung anasir negatif yang dipercayai mampu mengganggu kesejahteraan dan keharmonian negara. Begitu juga dengan sistem pendidikan negara yang menekankan nilai murni seperti bersederhana perlu disemai dalam diri anak watan. Sapie Sabilan et al. (2018) menjelaskan bahawa proses penerapan nilai tidak hanya berlaku dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, tetapi turut diterapkan dalam semua mata pelajaran lain.

Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, peribahasa merupakan satu daripada medium penerapan nilai. Oleh itu, pemahaman yang mendalam terhadap peribahasa sangat penting agar nilai yang terkandung dalam peribahasa tersebut dapat disampaikan dengan baik. Peribahasa merujuk kepada perkaitan antara penggunaan lambang dengan makna dan penggunaan lambang tersebut perlu ditafsir dengan mata hati (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Tenas Effendy (2012) pula menganalogikan keakraban masyarakat dengan alam seperti 'alam terkembang dijadikan guru'. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau berpendapat bahawa penilaian orang terdahulu terhadap tingkah laku dan orang di sekeliling, objek serta imej adalah berdasarkan alam sekeliling. Oleh itu, proses pembentukan peribahasa Melayu adalah berdasarkan pengamatan terhadap alam, pengalaman dan pengetahuan masyarakat Melayu.

Sehubungan dengan itu, penggunaan imej dan objek alam dalam peribahasa Melayu hendaklah ditafsir dengan terperinci. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) perwatakan dan sifat-sifat serta akal budi Melayu terpancar dalam peribahasa Melayu yang telah dibentuk daripada pengalaman hidup. Daripada akal budi seseorang itu, leluhur hati budi juga dapat ditonjolkan. Hal ini dikatakan demikian kerana hati budi merujuk kepada kesatuan hati dan budi yang terjelma dalam nilai, budi bahasa, budi pekerti, tindak tanduk, norma, kepercayaan serta ilmu dan pemikirannya (Rozita Che Rodi, 2019). Oleh itu, dengan menggunakan peribahasa Melayu konsep kesederhanaan yang telah diterapkan dalam peribahasa Melayu akan diinterpretasikan.

1.1 Pernyataan Masalah

Akhbar Berita Harian bertarikh 15 Mei 2019 melaporkan bahawa terdapat pihak-pihak tertentu tidak bersifat sederhana dalam usaha memperjuangkan hak kaum dan agama. Seterusnya, Utusan Malaysia bertarikh 14 Mei 2019 menyatakan bahawa gaya hidup masyarakat masa kini bersifat berlebih-lebihan dan akhirnya menyebabkan mereka muflis. Daripada kedua-dua laporan akhbar tersebut menunjukkan bahawa masyarakat dewasa ini tidak mengamalkan gaya hidup sederhana. Bertitik tolak daripada perkara tersebut, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang memperlihatkan komponen HBM yang terarah pada kesederhanaan adalah perlu dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuktian masyarakat Melayu mempunyai keperibadian sosial yang mementingkan kesederhanaan perlu ditonjolkan agar sejajar dengan Dasar Wasatiyyah Negara.

Selain itu, kajian berkaitan nilai-nilai murni dan sikap merupakan satu daripada trend dalam bidang pengkajian bahasa. Namun begitu, kajian yang bersifat terarah kepada satu nilai sahaja kurang dilaksanakan. Kajian-kajian yang dilaksanakan sebelum ini berfokus pada penerapan nilai murni seperti kajian Latifah Abdul Majid et al. (2012) yang berfokus pada proses penerapan nilai berbantuan multimedia, kajian Sapie Sabilan et al. (2018) yang memberikan tumpuan pada proses penerapan nilai dan penghayatan nilai murni dalam konteks pendidikan, dan kajian Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir (2018) yang berfokus pada pemantapan nilai ke arah pembentukan minda kelas pertama. Justeru, kajian yang berfokus pada satu nilai, iaitu nilai kesederhanaan akan dilaksanakan dalam kajian ini.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini secara khusus dilaksanakan bertujuan untuk menginterpretasi konsep bersederhana dalam peribahasa Melayu berdasarkan komponen hati budi Melayu dan semantik inkuisitif.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Kajian Tentang Peribahasa Melayu

Satu daripada bidang pengkajian yang menarik perhatian pengkaji ialah berkaitan dengan peribahasa Melayu. Antara kajian yang berkaitan dengan peribahasa Melayu ialah kajian Julaina Nopiah dan Nur Yasmin Afifie Saiful Bahri (2022). Dalam kajian tersebut berfokus pada lima konsep rasa, iaitu manis, masam, masin, pahit dan tawar. Kajian yang memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenal oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan Rangka Rujuk Silang ini menganalisis data daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* dan *Kamus Peribahasa Melayu*. Dapatan daripada kajian tersebut membuktikan bahawa dalam peribahasa Melayu mengandungi refleksi emosi. Dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa rasa manis diasosiasikan dengan tebu, cuka berasosiasi dengan masam, belacan dengan masin, kopi dengan pahit dan air mewakili tawar. Justeru, dalam kajian ini telah memperlihatkan kajian peribahasa tidak berlaku pada peringkat kognitif saja.

Seterusnya, Zabedah Mohammed dan Shaiful Bahri Md Radzi (2020) telah melaksanakan kajian berkaitan konotasi bunga dalam peribahasa Melayu. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* yang disusun oleh Abdullah Hussain (2005) telah dijadikan bahan dalam kajian tersebut. Hasil daripada analisis awal mendapati bahawa terdapat 13 peribahasa Melayu yang menggunakan imej bunga sebagai representatif kepada wanita telah dianalisis. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa padanan imej bunga dengan wanita adalah sesuai. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita mempunyai ciri yang sama di samping menunjukkan persamaan plot kehidupan dengan bunga. Dalam kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan imej bunga dalam peribahasa Melayu berkait rapat dengan perwatakan, perasaan, tingkah laku dan nasib yang menimpa diri wanita.

Di samping itu, sebuah kajian perbandingan yang melibatkan peribahasa Melayu dengan bahasa asing juga merupakan satu daripada perkara yang menarik perhatian. Kajian Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) berfokus pada perbandingan peribahasa Melayu dengan peribahasa Perancis. Dalam kajian tersebut, objektif yang perlu dicapai ialah menganalisis persamaan dan perbezaan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Perancis. Sehubungan dengan itu, data dalam kajian tersebut telah diperoleh daripada buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* (2011) dan *Les Expression Idiomatiques* (2008). Kajian ini memilih Teori Metafora Konsep yang dipelopori Lakoff dan Johnson (1980) sebagai landasan kajian. Dapatan daripada kajian ini membuktikan bahawa perbezaan bahasa juga mempengaruhi gaya pemikiran. Namun begitu, terdapat persamaan kecil antara kedua-dua peribahasa yang telah dianalisis sekali gus membuktikan bahawa kesejagatan metafora bukan bersifat holistik.

2.2 Kajian Tentang Semantik Inkuisitif

Kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif merupakan satu daripada trend dalam kajian bahasa. Satu daripadanya ialah kajian Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2022) yang mengkhusus penelitian pantun hingga ke tahap inkuisitif. Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mentafsir makna tersirat yang didukung oleh metafora ‘galah’ dan ‘kemudi’ yang terkandung dalam baris pembayang dan baris makna pantun. Sehubungan dengan itu, untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, sebanyak 23 rangkap pantun yang mengandungi objek ‘galah’ dan 29 rangkap yang mengandungi objek ‘kemudi’ telah dianalisis. Penganalisan data-data tersebut dilandasi oleh Teori Relevans melalui konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif. Hasil daripada kajian itu memperlihatkan leksikal ‘galah’ dan ‘kemudi’ merujuk kepada haluan hidup berkasih sayang. Dapatan juga membuktikan bahawa objek berkaitan maritim turut mendukung makna tersirat berkait konsep kehidupan.

Selain itu, kajian yang mengadaptasikan pendekatan yang sama telah dilakukan oleh Muhammad Asyraf Md Rashid dan Aminuddin Saimon (2021). Kajian yang dilaksanakan ini berfokus pada peribahasa Melayu yang berunsurkan kepimpinan. Justeru, objektif pelaksanaan kajian tersebut ialah menganalisis peribahasa Melayu yang berunsurkan kepimpinan untuk mencungkil akal budi yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Kajian ini turut menggunakan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS) untuk menganalisis peribahasa yang telah diambil daripada buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Hasilnya, kajian tersebut telah berjaya memperlihatkan tiga konsep utama dalam kepimpinan; a) pemimpin b) gaya pemimpin dan c) orang yang dipimpin. Tambahan daripada itu, kajian tersebut mengukuhkan lagi kemampuan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencungkil akal budi dalam peribahasa Melayu.

Akhir sekali, Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019) juga tidak terkecuali melaksanakan sebuah kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam. Seterusnya, RRS juga turut diadaptasi dalam kajian untuk menganalisis data yang diambil daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2017) yang disusun oleh Abdullah Hussain. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai keintelektualan yang tinggi dengan mengaitkan alam sebagai rujukan kepada sifat atau lakuan. Kajian ini turut mendapati bahawa sebanyak 73 peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan ayam secara umumnya dan 17 peribahasa Melayu yang berasosiasi secara khususnya.

2.3 Kajian Tentang Hati Budi Melayu (HBM)

Hati Budi Melayu (HBM) merupakan komponen yang telah digarisi oleh Hashim Hj. Musa (2008). Kajian berkaitan komponen HBM ini telah diperkembang oleh Rozita Che Rodi (2019) dalam kajian yang mengkhusus pemaknaan istilah akal budi dan hati budi. Dalam kajian tersebut, pengkaji membincangkan secara khusus kata fokus dan kata kunci yang menjadi tunjang dalam hati budi Melayu. Data dalam kajian ini telah diperoleh daripada buku *Ethos Kerja* (2004), *Tunjuk Ajar Melayu* (2006), *Adab Orang Melayu* (2004), *Masyarakat dan Budaya Melayu* (1991) dan *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* (1982).


Data-data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teori keperibadian sosial oleh Erich Fromm (1942), teori medan makan oleh T. Izutsu (1964) dan S. M. Naquib al-Attas (1970). Hasilnya, konsep akal budi dan hati budi berjaya dihuraikan dengan jelas. Tambahan daripada itu, kajian tersebut menjelaskan bahawa HBM merupakan struktur peribadi yang dimiliki oleh orang Melayu.

Selain itu, kajian yang menghubungkan teras hati budi Melayu dengan lakuan pertuturan juga telah dilaksanakan. Muhammad Zuhair Zainal, Shahir Akram Hassan dan Aznan Che Ahmad (2021) telah melaksanakan sebuah kajian yang membincangkan HBM yang bertemakan agama Islam dalam lakuan pertuturan dalam kalangan guru. Dalam kajian ini, teori lakuan pertuturan oleh Austin (1962) dan Searle (1969) dan kata fokus 'agama' yang telah dicadangkan oleh Rozita Che Rodi (2019). Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa penerapan HBM yang bertemakan agama Islam berlaku dalam ujaran guru-guru. Perkara tersebut berlaku sama ada secara langsung, iaitu ujaran lokusi dan tidak langsung yang merupakan ujaran ilokusi. Sementelah, dalam kajian tersebut juga mencadangkan agar melihat komponen-komponen lain dalam wahana komunikasi seperti peribahasa. Justeru, dalam kajian ini akan mengkaji peribahasa yang merupakan medium masyarakat Melayu terdahulu dalam memberikan teguran dan nasihat.

Haliza Hamat dan Normahdiah Sheik Said (2016) tidak ketinggalan melaksanakan kajian berkaitan HBM. Kajian tersebut berfokus pada skrip drama yang diambil daripada drama Megat Terawis yang ditulis oleh Teh Fatimah pada tahun 1950. Dalam kajian ini, objektif yang ingin dicapai ialah sejauh manakah unsur HBM diterapkan dalam skrip drama pentas. Dapatan dalam kajian ini membuktikan bahawa cara hidup masyarakat dari aspek politik, sosial, agama mahupun ekonomi memperlihatkan kebudayaan masyarakat tersebut. Dalam kajian itu juga telah menggariskan enam komponen yang telah berjaya dikenal pasti dalam skrip drama tersebut. Tuntasnya, kehidupan dan hati budi sesebuah bangsa terpancar dan dapat dilihat daripada karya yang mereka hasilkan. Berdasarkan sorotan yang telah dilakukan pada bahagian ini, didapati bahawa kajian hati budi Melayu yang diteliti daripada peribahasa belum dilaksanakan. Kajian yang mengkhusus pada satu-satu nilai juga masih kurang dilaksanakan. Kajian berfokus dapat memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu amat menekankan sesuatu perkara, namun disampaikan secara berlapik kepada ahli masyarakat agar dapat memelihara air muka mereka.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang berfokus pada penghuraian makna tersirat dan leluhur hati budi Melayu dalam peribahasa Melayu yang berunsurkan konsep sederhana. Data dalam kajian ini diperoleh daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* oleh Abdullah Hussain (2017). Oleh itu, kaedah kepustakaan dan analisis teks dipilih bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Tambahan pula, kaedah persampelan bertujuan turut digunakan. Dalam konteks ini, pengkaji memilih empat peribahasa yang mengandungi konsep sederhana secara harfiahnya. Seterusnya, untuk menginterpretasi peribahasa, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenal oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) diadaptasikan. Rajah di bawah menjelaskan tiga tahap analisis berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif:



Rajah 1: Tahap Penganalisisan Berdasarkan Pendekatan Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah, 2014)

Pada tahap pertama, peribahasa Melayu yang telah dipilih akan melalui proses pemberian makna secara harfiah sahaja. Kemudian, pada tahap yang kedua, data-data daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan bahan bercetak akan dimanfaatkan. Pada bahagian ini, Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan untuk meningkatkan kefahaman pembaca terhadap makna harfiah yang telah diberikan. Seterusnya, pada tahap analisis semantik inkuisitif, pemetaan akan dilakukan bagi menghuraikan pemilihan leksikal dalam pembentukan peribahasa tersebut dan sekali gus mencungkil akal budi yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Selepas itu, dapatan tersebut akan dipadankan dengan komponen HBM yang telah digariskan oleh Hashim Hj. Musa (2008). Daripada penghuraian tersebut pula akan diperlihatkan aspek bersederhana yang terkandung dalam peribahasa yang terpilih.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Data dalam kajian ini telah diperolehi daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (2017). Sebanyak empat peribahasa Melayu yang mengandungi komponen kesederhanaan, iaitu berbelanja, berkasih sayang, percakapan dan tingkah laku telah diambil untuk diinterpretasikan. Keempat-empat peribahasa Melayu yang terpilih mengandungi nasihat yang menuntut sikap bersederhana dalam kehidupan. Jadual 1 di bawah menunjukkan peribahasa Melayu berserta maksud dan aspek kesederhanaan yang didukung oleh peribahasa tersebut;

Jadual 1 Senarai Peribahasa Melayu Berserta Maksud dan Aspek Sederhana

Bil.	Peribahasa	Maksud	Aspek
1.	Air mudik sungai, semua teluk diranai	Orang pemboros berbelanja tanpa perhitungan	Berbelanja
2.	Kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun	Lebih sayang kepada orang lain daripada kaum keluarga sendiri	Berkasih sayang
3.	Tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya	Orang yang berilmu tidak suka bermegah-megah	Percakapan
4.	Ukur baju di badan sendiri	Membuat sesuatu pekerjaan biarlah mengikut kebolehan dan kelayakan yang ada	Perlakuan

Peribahasa Melayu di atas kemudiannya diinterpretasi dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk melihat makna tersirat yang terkandung di sebalik pemilihan leksikal dalam peribahasa tersebut.

Peribahasa 1: Air mudik sungai, semua teluk diranai

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa 1 bermaksud seseorang yang bersikap boros dalam berbelanja tanpa membuat perhitungan dan kira-kira.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Dari perspektif semantik resonans, penggunaan peribahasa 1 dapat difahami berdasarkan ayat yang berikut:

Menteri Kewangan sering mengingatkan para pekerja yang baru menerima bonus hari raya agar jangan menjadi seperti *air mudik sungai, semua teluk habis diranai*.

(Kamus Peribahasa Melayu, 2013)

Berdasarkan ayat di atas, kefahaman terhadap peribahasa 1 dapat ditingkatkan. Kehadiran anteseden dalam ayat tersebut secara tidak langsung membantu pembaca untuk lebih memahami peribahasa tersebut. Frasa ‘baru menerima bonus hari raya’ dalam ayat di atas dirujusilangkan dengan ‘air mudik sungai’. Hal ini dikatakan demikian kerana makna eksplisit ‘air mudik sungai’ merujuk kepada keadaan hulu sungai yang dinaiki air. Seterusnya, makna implisit yang di bawah oleh ‘air mudik sungai’ dapat difahami dengan merujuk anteseden dalam ayat tersebut, iaitu ‘baru menerima bonus hari raya’. Perkara ini menunjukkan bahawa seseorang itu memperoleh keuntungan atau wang lebih banyak daripada kebiasaannya. Selain itu, makna eksplisit ‘semua teluk habis diranai’ pula ialah semua teluk akan dinaiki air sekiranya berlaku banjir. Dalam konteks ayat ini, makna implisit yang disampaikan oleh ‘semua teluk habis diranai’ pula ialah menghabiskan semua wang ke setiap pelosok ruang.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Persoalan yang timbul dan perlu diteliti dalam peribahasa ini ialah pemilihan leksikal berkaitan sungai dengan pembentukan peribahasa yang berkaitan dengan perbelanjaan. Mohamed Anwar Omar Din (2011) telah menjelaskan bahawa masyarakat Melayu terdahulu mendiami kawasan pesisir dan lembah sungai. Kawasan tersebut menjadi pilihan masyarakat Melayu kerana kawasan tersebut subur. Hal ini dikatakan demikian kerana kawasan pesisir dan lembah sungai kaya dengan sumber makanan dan membekalkan sumber air yang mencukupi untuk keperluan seharian. Menurut Mariney Mohd Yusoff (2001), terdapat tiga bahagian pada sungai, iaitu hulu sungai yang merupakan kawasan yang mempunyai altitud yang paling tinggi, seterusnya bahagian tengah, dan bahagian hilir sungai yang mempunyai altitud yang paling rendah. Kawasan-kawasan ini telah menjadi penempatan masyarakat Melayu terdahulu. Oleh itu, bukanlah suatu yang asing jika leksikal dalam peribahasa Melayu menggunakan imej-imej sungai.

Sehubungan dengan itu, persoalan tentang pemilihan leksikal imej sungai dalam peribahasa dapat dirungkai dengan maklumat-maklumat yang telah diperolehi. Hulu sungai merupakan kawasan yang mempunyai altitud yang tinggi. ‘Air mudik sungai’ menjadi representasi kepada seseorang yang baru menerima wang yang banyak. Mudik bermaksud perbuatan bergerak ke hulu. Jika kawasan tersebut dinaiki air, sudah tentu kawasan-kawasan yang berada pada altitud rendah akan dilimpahi air. Perkara ini jelas tergambar dalam klausa ‘semua teluk habis diranai’. Hal ini dikatakan demikian kerana kejadian tersebut menjadi gambar kepada seseorang yang membelanjakan wang tanpa membuat perhitungan, yakni tidak cermat dan berhemah. Oleh yang demikian, dalam konteks peribahasa di atas, kita dapat melihat masyarakat Melayu terdahulu menggunakan imej air, sungai dan teluk dalam pembentukan peribahasa Melayu.

Tambahan daripada itu, daripada peribahasa tersebut juga telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menegah perbuatan boros dalam perbelanjaan. Namun, nasihat tersebut telah disampaikan melalui peribahasa Melayu. Tegahan terhadap perbuatan boros juga jelas disampaikan dalam firman Allah dalam Surah Al Isra, ayat 27, yang bermaksud;

“Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya”

Sesungguhnya tiap nasihat dan teguran yang inginkan disampaikan oleh masyarakat Melayu terdahulu sejajar dengan tuntutan agama. Oleh yang demikian, perkara ini juga telah menonjolkan ciri sepunya yang dimiliki oleh masyarakat Melayu seperti yang disebutkan dalam komponen Hati Budi Melayu yang digariskan oleh Hashim Hj. Musa (2008), iaitu sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas.

Peribahasa 2: Kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Maksud yang terkandung dalam peribahasa di atas ialah seseorang yang kasih akan orang lain melebihi kasih akan keluarganya sendiri.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Penggunaan peribahasa Melayu ‘kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun’ dapat lebih difahami melalui ayat yang di bawah. Pemahaman terhadap ayat tersebut juga ditingkatkan lagi dengan Rangka Rujuk Silang (RRS).

“Kasih sayangku kepada budak itu tidak serupa dengan ***kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun*** kerana aku tidak pernah membuang keluarga sendiri,” jelas Basiron kepada Hazali.

(*Kamus Peribahasa Melayu*, 2013)

Dalam peribahasa tersebut, dua leksikal unsur alam dijadikan sebagai representasi, iaitu leksikal ‘pinang’ dan ‘aur’. Berdasarkan ayat di atas, leksikal ‘aur’ dirujuk silang dengan ‘keluarga sendiri’. Pernyataan ini dikukuhkan dengan kehadiran penjodoh bilangan ‘serumpun’ dalam peribahasa tersebut. Seterusnya, kehadiran kata nafi ‘tidak’ dalam ayat di atas juga menunjukkan maksud pertentangan dengan makna peribahasa. Sehubungan dengan itu, perkara ini menunjukkan bahawa penulis ingin menyatakan bahawa watak Basiron tidak seperti makna yang terkandung dalam peribahasa tersebut.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Penggunaan leksikal ‘aur’ dan ‘pinang’ dalam peribahasa ini perlu diteliti dan dilihat daripada perspektif semantik inkuisitif untuk menjawab persoalan pemilihan leksikal tersebut. Pokok pinang atau nama saintifiknya *areca catechu* merupakan satu daripada tumbuhan yang amat signifikan dengan masyarakat Melayu. Marina Silalahi (2020) menjelaskan bahawa masyarakat tempatan di Asia makan buah pinang untuk meningkatkan penghasilan air liur. Pernyataan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak terkecuali. Dalam kajian Marina juga mendapati bahawa buah pinang memberikan banyak manfaat dan khasiat kepada kesihatan manusia. Buah pinang mampu bertindak sebagai anti-keradangan, meningkatkan sistem imunisasi dan sebagainya. Tambahan daripada itu, menurut Dransfield, Uhl dan Baker (2007) pokok pinang mempunyai ketinggian 12 meter hingga 30 meter, berakar serabut, tumbuh secara berasingan dan sesuai dijadikan pokok landskap.

Seterusnya, dalam peribahasa ini juga terdapat penggunaan leksikal ‘aur’. Aur atau nama saintifiknya *bambusa* merupakan tumbuhan yang tumbuh secara berumpun kerana memiliki akar yang sama dan juga tumbuh secara beranak-anak. Sebuah rencana dalam Utusan Malaysia bertarikh 22 September 2014 menjelaskan bahawa terdapat 60 jenis spesies buluh yang tumbuh di Semenanjung Malaysia. Pokok-pokok ini juga banyak digunakan dan dimanfaatkan dalam kehidupan sehari masyarakat Melayu. Persoalannya, mengapakah buluh atau aur dijadikan representasi dalam peribahasa ini? Ciri sepunya yang dimiliki oleh aur dan manusia ialah tumbuh secara beranak-anak dan serumpun. Begitu juga dengan manusia yang memiliki keluarganya sendiri. Ciri sepunya inilah yang menjadikan pokok aur dipilih sebagai imej dan perlambangan kepada kekeluargaan dalam peribahasa ini.

Manakala, pokok pinang mempunyai ciri fizikal yang hampir sama dengan buluh. Namun, perbandingan yang ketara ialah pokok pinang tidak tumbuh secara berumpun seperti pokok buluh. Penggunaan penjodoh bilangan ‘sebatang’ dan ‘serumpun’ dalam peribahasa tersebut juga secara tidak langsung telah menjelaskan ciri yang dimiliki oleh kedua-dua pokok tersebut. Makanya, relevanlah sekiranya leksikal ‘aur’ dan ‘pinang’ dipilih sebagai representasi dalam peribahasa ini dan menyampaikan mesej yang berkaitan dengan nilai kasih sayang dan kekeluargaan. Tambahan daripada itu juga, sifat masyarakat Melayu yang mempunyai pengamatan yang tinggi terhadap persekitaran atau mereka menunjukkan bahawa keintelektualan mereka dalam menghasilkan peribahasa. Dalam peribahasa ini juga mengingatkan kita agar berpada-pada dan tidak melampau-lampau dalam berkasih sayang agar tidak membelakangkan keluarga sendiri.

Peribahasa 3: Tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa ‘tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya’ bermaksud seseorang yang mempunyai banyak ilmu itu tidak suka bermegah-megah.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pemahaman terhadap makna peribahasa di atas dapat ditingkatkan dengan merujuk ayat yang berikut:

Walaupun Fatanah seorang yang bijak dan banyak pengetahuannya dalam pelbagai bidang tetapi dia tidak suka bermegah-megah dengan kelebihan yang ada padanya itu, ***tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya.***

(Kamus Peribahasa Melayu, 2013)

Berdasarkan ayat di atas, anteseden yang terdapat dalam peribahasa tersebut sangat jelas dan menjurus kepada makna peribahasa itu sendiri. Frasa ‘tempayan yang penuh’ dirujuk silang dengan ‘seorang yang bijak dan banyak pengetahuannya’. Keadaan tempayan yang penuh menggambarkan seseorang yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Seterusnya, ‘tidak berkocak airnya’ pula dirujuk silang dengan ‘tidak suka bermegah-megah’. Bunyi yang terhasil daripada kocakan air tersebut memberikan gambaran orang yang suka bermegah. Sehubungan dengan itu, usaha memproses untuk memahami peribahasa ini adalah rendah kerana kehadiran anteseden dalam ayat di atas sangat membantu.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pemilihan leksikal ‘tempayan’ dalam peribahasa ini akan dirungkai melalui perspektif inkuisitif. Menurut Mohd. Nazaruddin Yusoff et al. (2004), masyarakat Melayu terdahulu meletakkan tempayan sama ada di tangga, serambi rumah, atau di dapur. Tempayan tersebut digunakan untuk mencuci kaki sebelum memasuki

rumah. Tajul Shuhaizam Said (2207) pula menjelaskan bahawa tempayan merupakan satu daripada alat yang sangat penting dalam kehidupan beraja. Daripada dapatan dalam kedua-dua kajian tersebut, perkara ini menunjukkan bahawa tempayan sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu sama ada rakyat biasa mahupun institusi raja.

Tambahan daripada itu, air hujan atau air sungai biasanya digunakan untuk mengisi tempayan. Perkara ini menunjukkan bahawa air sangat penting sebagai sumber untuk meneruskan kehidupan dan keperluan seharian. Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'yyah Mohd Noor (2017) menjelaskan bahawa air digunakan untuk pelbagai tujuan seperti keperluan makanan, minum, dan ekonomi. Begitu juga dengan ilmu, ilmu yang merangkumi pelbagai konteks dan aspek sangat penting dalam kehidupan kita. Aemy Aziz et al. (2021) menegaskan bahawa ilmu bersifat umum yang mencakupi perkara yang berkaitan dengan hal-hal keduniaan dan akhirat serta dimanfaatkan oleh manusia untuk meneruskan kehidupan. Perkara ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan manusia seperti pentingnya air yang digunakan untuk aktiviti seharian.

Sehubungan dengan itu, apabila air memenuhi sesebuah tempayan, maka tempayan tersebut tidak akan berkocak dan tidak akan menghasilkan bunyi kocakan. Perbandingan ini adalah merujuk kepada sifat manusia yang berilmu. Seseorang yang berilmu sudah tentu tidak akan bermegah, meninggikan diri mahupun angkuh. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmizi, Ibn Majah dari Ibn Umar, Jabir, Huzaifah dan Abu Hurairah yang bermaksud:

Daripada Ka'b bin Malik R.A, katanya: Aku mendengar Rasulullah bersabda, "Sesiapa yang menuntut ilmu untuk menyaingi ulama, atau berbahas dengan orang jahil, atau supaya dengan ilmu tersebut wajah orang ramai akan tertumpu kepadanya, maka Allah masukkan dia ke dalam neraka".

Daripada hadis tersebut jelaskan menunjukkan bahawa seseorang yang berilmu itu tidak akan bermegah dengan ilmu yang dimilikinya. Justeru, pemilihan leksikal 'tempayan' dalam pembentukan peribahasa ini adalah relevan. Selain itu, perihal ini juga menggambarkan bahawa masyarakat Melayu menuntut orang berilmu agar sentiasa merendah diri. Hal ini signifikan dengan komponen yang terdapat dalam HBM yang menyatakan bahawa sifat seorang Melayu itu adalah sentiasa bersederhana dalam perlakuan dan tutur kata.

Peribahasa 4: Ukur baju di badan sendiri

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna yang didukung oleh peribahasa ini ialah melakukan sesuatu perkara hendaklah berpadanan dengan kemampuan dan kelayakan sendiri.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Usaha memproses untuk memahami peribahasa tersebut dapat dikurangnya dengan merujuk ayat yang telah dipetik daripada korpus DBP seperti yang berikut:

Caranya mestilah cerdik. Mestilah berani. Caranya mestilah tidak ikut macam orang lain. Tetapi seperti kata Ibu sewaktu aku masih budak-budak dulu, **ukur baju di badan sendiri**. Jangan diukur baju yang hendak dipakai badan orang lain.

Berdasarkan ayat di atas, 'tidak ikut macam orang lain' merupakan anteseden yang membantu pembaca untuk memahami makna peribahasa tersebut dengan baiknya. Dalam ayat tersebut juga ditunjukkan bahawa watak dalam cerita tersebut sedar akan kemampuan diri dan tidak terikut dengan cara

yang digunakan oleh orang lain. Dalam ayat tersebut juga dilihatkan ibu telah menegaskan agar tidak mengukur baju pada badan orang lain. Justeru, penggunaan peribahasa dalam ayat ini jelas menunjukkan makna yang ingin disampaikan oleh peribahasa tersebut.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pemilihan leksikal ‘baju’ dalam peribahasa Melayu ‘ukur baju di badan sendiri’ akan dilihat berdasarkan perspektif semantik inkuisitif pada bahagian ini. Baju bukan sahaja merujuk kepada pakaian yang digunakan seharian oleh manusia, bahkan juga simbol kepada keperluan asas dan identiti diri individu. Selain itu, baju juga dikaitkan dengan makna dan lambang dan pemakainya, sama ada dalam acara perkahwinan, pertabalan, atau kemangkatan (Siti Zainon Ismail, 2009). Siti Zainon Ismail (2009) juga menjelaskan bahawa baju berasal dari pola Gujrati dan bentuk asasnya telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, baju yang ingin dijahit hendaklah diukur terlebih dahulu agar bersesuaian dengan tubuh pemakainya. Maka, tidak akan berlaku isu atau masalah baju terlebih besar atau terlalu kecil.

Dalam konteks peribahasa di atas, pemilihan leksikal ‘baju’ adalah relevan dan merupakan strategi yang bijak kerana baju merupakan sesuatu yang mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Berdasarkan perenggan di atas, baju perlu diukur terlebih dahulu sebelum dijahit dan seterusnya dipakai. Metafora konsep ‘ukur baju’ ini menunjukkan bahawa pentingnya membuat timbang tara, mengkaji setiap tindakan yang diambil, melihat kemampuan dan kelayakan diri sendiri sebelum membuat sesebuah keputusan. Oleh yang demikian, melalui pendekatan semantik inkuisitif dapatlah diuraikan pemilihan leksikal ‘baju’ dalam pembentukan peribahasa ‘ukur baju di badan sendiri’. Peribahasa ini menegaskan dan mengingatkan semua lapisan masyarakat agar tidak melebihi-lebih dalam sesuatu tindakan. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan tersebut akan memberikan impak sama yang positif mahupun negatif pada masa akan datang.

4.1 Perbincangan

Dalam kehidupan seorang muslim, agama sangat menuntut umatnya tidak berlebih-lebih dalam sesuatu perkara. Dalam erti kata yang lain, agama menuntut agar umatnya mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan. Sikap bersederhana merujuk kepada perbuatan yang tidak melebihi-lebih. Tambahan pula, Hamka menjelaskan dalam bukunya yang bertajuk *Pandangan Hidup Muslim* (1992) bahawa:

Terlalu diperturutkan kehendak rohani, kita pun lapar. Terlalu diperturutkan kehendak jasmani, mundurlah nilai-nilai yang lebih tinggi dalam hidup dan bertukarlah insan jadi binatang.

(185:1992)

Pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa nilai kemanusiaan akan lenyap jika manusia terlalu mengikutkan kehendak nafsu. Oleh itu, setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia mestilah secara bersederhana. Selain itu, Dasar Wasatiyyah telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam bertujuan untuk membendung anasir-anasir negatif yang dirasakan mampu mengganggu kedamaian dan keharmonian negara. Konsep wasatiyyah merujuk kepada apa-apa yang berada di tengah supaya tidak ada satu pun yang menjadi berlebihan atau melampau-lampau (Mohd Yusof Othman, Zakaria Stapa, Jawiah Dakir, & Mashitoh Yaacob, 2017). Perkara ini menjelaskan bahawa perbuatan tidak perlu ditokok tambah atau terlalu keterlaluan dan bukan juga berlebih-lebihan.

Dalam komponen HBM pula telah digariskan bahawa terdapat dua komponen yang dikaitkan dengan sikap bersederhana. Dua daripada komponen tersebut termasuklah komponen kesembilan; sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas, dan komponen ke-16; hidup sederhana. Sehubungan dengan itu, dalam peribahasa Melayu yang telah dianalisis ada menyebut ‘tempayan yang penuh itu tidak berkocak airnya’. Mesej yang ditonjolkan

menerusi peribahasa tersebut ialah individu yang berilmu tidak akan bermegah-megah. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim menyatakan bahawa “Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam”. Dalam Islam dan masyarakat Melayu terdahulu sememangnya menuntut ahli masyarakatnya agar menjaga pertuturan. Perkara ini amatlah dituntut untuk mengelak daripada berlakunya konflik sesama anggota masyarakat dan mewujudkan sebuah kehidupan yang harmoni.

Selain itu, Islam dan masyarakat Melayu terdahulu juga menggalakkan umatnya untuk hemat dalam perbelanjaan. Dalam peribahasa ‘air mudik sungai, semua teluk habis diranai’ menasihatkan anggota masyarakatnya agar tidak boros dalam perbelanjaan. Perbuatan boros dalam perbelanjaan bertentangan dengan ciri keperibadian sosial Melayu yang digariskan dalam HBM dan Islam. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-A’raf ayat 31 yang bermaksud, “Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah, dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak sukan akan orang-orang yang melampaui batas”. Dalam firman tersebut Islam menggalakkan umatnya untuk berpakaian cantik dan kemas dan berbelanja untuk makan dan minum. Perkara ini menunjukkan bahawa bukanlah satu kesalahan untuk berbelanja dan membeli-belah untuk pakaian atau barang-barang yang baharu. Namun begitu, perkara tersebut menjadi bertentangan dengan agama dan ciri keperibadian Melayu apabila dilakukan secara berlebihan. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan berlebih-lebihan dan melampau-lampau dalam berbelanja akan memudaratkan individu tersebut. Tegahan dan larangan ini adalah untuk mengelakkan umat Islam agar tidak ditimpa masalah kewangan dan hutang, mewujudkan keseimbangan dalam ekonomi, serta mengelakkan pembaziran.

Di samping itu, dalam peribahasa ‘ukur baju di badan sendiri’ pula menekankan aspek kesederhanaan dalam tingkah laku. Dalam konteks tingkah laku, anggota masyarakat digalakkan untuk melakukan sesuatu perkara berdasarkan kemampuan yang ada pada diri sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana melakukan sesuatu perkara yang melebihi kemampuan akan mendatangkan mudarat kepada diri sendiri seperti menjejaskan kesihatan tubuh badan dan kesejahteraan emosi. Selain itu, dalam konteks ini juga, tingkah laku yang menjurus pada kefahaman politik hendaklah bersifat sederhana. Dalam komponen kesembilan menjelaskan sifatnya Melayu itu adalah tidak ekstremis. Perbuatan tersebut ditegah kerana boleh mengganggu keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Perbezaan fahaman politik adalah tidak melanggar norma, namun tindakan agresif yang tercetus daripada pertelingkahan adalah salah. Oleh itu, Dasar Wasatiyyah yang telah diperkenalkan sebelum adalah relevan untuk mengekang perkara negatif dan tidak daripada terus berlaku.

Akhir sekali, satu daripada komponen HBM juga ialah berkasih sayang. Komponen ke-26 ini menuntut ahli masyarakat agar berkasih-sayang sesama sendiri. Namun, dalam konteks tersebut hendaklah dibatasi dengan berpada-pada. Dalam peribahasa ‘kasihkan pinang sebatang daripada aur serumpun’ mengingatkan ahli masyarakatnya agar tidak melebihi rasa kasih terhadap orang lain berbanding keluarga sendiri. Firman Allah SWT dalam surah at-Tahrim ayat 6 yang bermaksud, “Hai orang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka.” Dalam ayat tersebut dijelaskan bahawa seorang Muslim itu hendaklah memberikan keutamaan terhadap ahli keluarga dalam pelbagai perkara, termasuklah dalam berkasih sayang. Rasa sayang yang berlebih terhadap orang lain boleh mendorong kepada rasa kecewa sekiranya disertakan pengharapan yang tinggi dan secara tidak langsung membelakangi ahli keluarga yang sepatutnya diberikan keutamaan.

Selain daripada peribahasa yang telah dianalisis, terdapat beberapa peribahasa lain yang menekankan aspek yang sama dalam memberikan nasihat dan peringatan. Berikut merupakan peribahasa Melayu yang mengandungi mesej yang sama:

Jadual 2 Senarai Peribahasa Melayu yang Lain Berserta Maksud dan Aspek Sederhana

Bil.	Peribahasa	Maksud	Aspek
1.	Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis	Selalu berwaspada dan berhati-hati	Berbelanja
2.	Biar papa asal bergaya	Sanggup berhabis wang untuk kelihatan bergaya	Berbelanja
3.	Anak di pangkuan dibiarkan, kera di hutan disusui	Urusan sendiri ditinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain	Berkasih sayang
4.	Kasih ibu sepanjang jalan, kasih anak sepanjang penggalan	Kasih ibu tidak akan putus tetapi kasih anak boleh hilang	Berkasih sayang
5.	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya	Berhati-hati dalam percakapan kerana dikhuatiri akan menyinggung perasaan orang lain	Percakapan
6.	Mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia bagaimana menutupnya	Rahsia yang sudah diketahui orang tersebar ke mana-mana	Percakapan
7.	Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing	Mementingkan diri sendiri	Perlakuan
8.	Biar lambat asalkan selamat	Membuat sesuatu perkara hendaklah dengan cermat dan hati-hati	Perlakuan

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, peribahasa yang menekankan menggambarkan ciri kesederhanaan seperti yang digariskan dalam komponen HBM telah diinterpretasikan dalam kajian ini. Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian ini dapat membantu untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, kehadiran anteseden dalam ayat berupaya untuk mengurangkan usaha memproses sesebuah maklumat. Tambahan daripada itu juga, pada peringkat analisis semantik inkuisitif pengkaji mendapati bahawa pemilihan leksikal dalam sesebuah peribahasa Melayu bukanlah bersifat tangkap muat. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap leksikal yang menjadi representasi dalam peribahasa menonjolkan keintelektualan masyarakat Melayu terdahulu. Dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini juga, komponen HBM juga dapat diperlihatkan dengan memadankan akal budi yang telah diinterpretasikan daripada peribahasa yang terpilih. Tuntasnya, hasil daripada kajian ini menunjukkan sifat bersederhana perlu diamalkan dan dituntut dalam aspek seperti berkasih sayang, berbelanja, bertutur kata dan tindakan. Tambahan pula, kajian yang telah dilaksanakan ini memperluas perspektif semantik inkuisitif. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilihan leksikal dalam komunikasi dapat diinterpretasikan dan sekali gus menunjukkan keluhuran hati budi masyarakat terdahulu dalam berkomunikasi. Bagi kajian yang seterusnya, kajian yang menggunakan bahan daripada prosa tradisional dan moden wajar dilaksanakan untuk melihat keintelektualan dan keluhuran hati budi Melayu dalam penghasilan prosa.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2017). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aemy Aziz, Muhammad Anas Ibrahim, Muhammad Saiful Islam Ismail, & Syaimak Ismail. (2021). Kepentingan dan saranan menuntut ilmu menurut Islam berdasarkan dalil Al-Quran dan As-Sunnah. *Voice of Academia (VOA)*, 17(2), 62-71.
- Austin J. L. (1962). *How to Do Things with Word*. Harvard University Press.
- Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Metafora Konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan Kesayangan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(3), 17-27.
- Dransfield, J., Uhl, N. W., & Baker, W. J. (2007). *A monograph of the betel nut palms (Areca: Arecaceae) of East Malesia. Botanical Journal of the Linnean Society*, 168(2), 147-174.
- Fromm, E. (1942). *Character and the Social Process. Appendix to Fear of Freedom*. Routledge.
- Haliza Hamat & Normahdiah Sheik Said. (2016). *Hati Budi Melayu dalam Skrip Drama Megat Terawis. Pertanika MAHAWANGSA*, 3(1), 11-24.
- Hamka. (1992). *Pandangan Hidup Muslim*. PT Bulan Bintang.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.
- Jamilah Ahmad, & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2018). Penerapan dan Pemerkasaan Nilai Murni dalam Kalangan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 168-199.
- Julaina Norpiah & Nur Yasmin Afifie Saiful Bahrie. (2022). Perkongsian Rasa sebagai Refleksi Emosi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 16-33.
- Junus, L. (2014). *Kajian Buluh Tempatan*. Utusan Malaysia.
- Kurik Kundi Merah Saga. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. University of Chicago Press.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Abdullah, & Nurul Hidayah Ahmad Zaki. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 51-65.
- Marina Silalahi. (2020). Manfaat dan Toksisitas Pinang (Areca Catechu) dalam Kesehatan Manusia. *Bina Generasi: Jurnal Kesehatan Edisi 11, Vol (2)*, 26-31.
- Mariney Mohd Yusoff. (2001). *Fenomena Banjir Kilat di Lembangan Sungai Kelang: Proses, Sebab, Kesan dan Strategi Pengawalan*. Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 58-74.
- Mohamed Anwar Omar Din. (2011). Asal Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu* (7), 1-82.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'yyah Mohd Noor. (2017). Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 26(2), 24-37
- Mohd. Nazaruddin Yusoff, Muhamad Khairul Anwar Osman, Mohamad Khadafi Rofie, Mohd Nizho Abdul Rahman, & Azman Md. Zain. (2004). *Pembudayaan Nilai Islam dalam Reka Bentuk Rumah Tradisional Masyarakat Melayu*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Muhammad Asyraf Md Rashid & Aminnudin Saimon. (2021). Peribahasa Melayu Berunsurkan Kepimpinan: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 171-187.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). Ayam (Gallus Gallus Domesticus) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 36-42.
- Muhammad Zuhair Zainal, Shahir Akram Hassan, & Aznan Che Ahmad. (2021). Teras Hati Budi Melayu Bertemakan Agama Islam dalam Lakuan Pertuturan Guru. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18(3), 221-240.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azizah Mokhtar (Mei 15, 2019). Bersederhana dalam memperjuangkan hak kaum, agama elak cetus provokasi - KPN. Kuala Lumpur.
- Rozita Che Rodi. (2019). Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus “Nilai” Berdasarkan Teori Medan Makna. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, (pp. 73-93).

- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Muhammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, & Mujaini Tarimin. (2018). *Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*. International Conference on Moslem Society 2016, di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Sapinah Haji Sidek. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Searle, J. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press.
- Siti Zainon Ismail. (2009). Konsep Adat Pakaian Cara Melayu Sentuhan Tenunan dalam Busana Melayu. *Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara: Identiti dan Kesenambungan Budaya*. Kuantan.
- S. M. Naquib Al-Attas. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Penerbit Universiti Malaya.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*. (2013). Darul Fikir Sdn. Bhd. dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). (Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih).
- Tajul Suhaizam Said. (2007). *Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tenas Effendy. (2004). *Ethos Kerja*. Unri Press.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit AdiCita.
- Tenas Effendy. (2012). *Ungkapan Melayu: Pemahaman dan Masalahnya*. Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura.
- Terjemahan Hadis Shahih Bukhari*. (2009). Klang Book Centre. (Disusun oleh al-Imam al-Bukhary)
- Zabedah Mohammed & Shaiful Bahri Md Radzi. (2020). Konotasi Bunga dalam Peribahasa Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(3), 31-45.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Za'ba. (1982). *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia.

Biodata Penulis

Alhaadi bin Ismail merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Penumpuan bidang kajiannya ialah Semantik.

Rozita binti Che Rodi (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktorat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap *Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh* dari tahun 2015-2017.

Vijayaletchumy a/p Subramaniam (PhD) merupakan Profesor di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Terjemahan. Beliau juga berpengalaman luas dalam kajian berkaitan Pemerolehan Bahasa dalam kalangan Kanak-kanak Disleksia.

Zuraini binti Jusoh (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Linguistik Terapan. Beliau juga berpengalaman luas dalam kajian berkaitan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran.